

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah kejayaan di dalam pelaksanaan mengimplementasikan Pelan Strategi Kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan komited meneruskan usaha bagi menangani punca perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur 2020 sehingga 2025. Pelan ini mengandungi pelbagai program dan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi untuk menangani enam faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca perkahwinan bawah umur. Program dan tindakan yang dirancang sepanjang tempoh lima tahun pelaksanaan pelan akan mencerminkan isu-isu yang merentas pelbagai sektor seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran.

Bagi memastikan pelaksanaan Pelan ini berjalan dengan lancar maka satu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pelan serta perkembangan program dan tindakan yang telah dirancang bagi setiap strategi di bawah faktor. Selain itu, Jawatankuasa ini turut berfungsi sebagai platform untuk agensi pelaksana yang terlibat melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini juga akan berkuat kuasa dari selama lima tahun sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bilangan 1 bagi tahun 2020 juga dirancang untuk diadakan pada bulan Ogos tahun ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian juga bercadang untuk mengadakan beberapa siri konsultasi di semua negeri mengenai cadangan kenaikan had umur perkahwinan bagi lelaki dan perempuan. Kementerian juga akan meneruskan usaha untuk mengadakan perbincangan bersama UNICEF yang tertangguh disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sesi libat urus juga akan diadakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian/Jabatan Kerajaan, Ahli Akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agamawan serta wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak bersama komuniti dari etnik tertentu yang masih mengamalkan perkahwinan bawah umur melalui undang-undang adat.

Kita amat berharap supaya kerjasama dari semua pihak termasuk rakan daripada pihak pembangkang, ahli akademik, NGO dapat diteruskan sebagai rakan strategik bersama Kementerian dalam mengekang perkahwinan bawah umur ini dan seterusnya merealisasikan potensi penuh kanak-kanak di negara ini.